



GIATMARA SENDIRIAN BERHAD

## KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
GM 400/122/RMK11/19/2021	CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJILARI DAN MENTAULIAH ALAT KELENGKAPAN MAKMAL DAN BILIK KULIAH DI GIATMARA LABUAN, SABAH	020101 @ 020301	19/04/2021 Hingga 26/04/2021	RM 5.00	03/05/2021 (Sebelum 12.00 Tengah Hari )

- Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-
  - Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
  - Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor **BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGANMALAYSIA**

- Satu (1) salinan SIJIL ASAL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **GIATMARA** semasa mengambil dokumen. **GIATMARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan GIATMARA ianya tidak layak. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**

- Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan.

- Dokumen Sebutharga boleh diperolehi **pada waktu Pejabat (9.00 pagi – 12.30 tengahari dan 2.30 petang – 4.00 petang di lokasi di bawah :**

**4.1 Pejabat GIATMARA Negeri Sabah, Lot 13C, Likas Plaza, Jalan Pasir, Likas, 88400 Kota Kinabalu, Sabah**

**4.2 GIATMARA Labuan, Lot 8327, Jalan Runggu, Kampung Ranza-Ranza, 87029 Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan**

- Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat sama ada melalui tunai/wang pos atas nama GIATMARA SDN. BHD. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.**
- GIATMARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **GIATMARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA SEPERTI ALAMAT DI BAWAH:-**

**PEJABAT GIATMARA NEGERI SABAH  
LOT 13C, LIKAS PLAZA, JALAN PASIR, LIKAS  
88400 KOTA KINABALU  
SABAH**

Pada atau **sebelum** tarikh tutup sebut harga jam **12.00 tengahari**

- Dokumen sebutharga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebutharga tidak akan diterima dan akan ditolak.
- Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.giatmara.edu.my>

**Perhatian:** Adalah diingatkan bahawa prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan di bawah PKP hendaklah sentiasa dipatuhi bagi urusan sebut harga di atas.